

BH 19/9/06 ms 8

MACHANG

Nurul Izzah johan deklamasi

Dua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan muncul johan deklamasi puisi dan lagu patriotik sempena Program Gema Suara Merdeka 2006 UiTM, Zon Timur, di kampus cawangan Machang, baru-baru ini.

Nurul Izzah Mohd Johari, muncul johan deklamasi puisi, manakala johan lagu patriotik disandang Sharizan Tan @ Nurhaliza Abdullah.

Pertandingan yang berlangsung di Dewan Profesional UiTM Kelantan itu dianjurkan UiTM Kelantan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Timur.